

GENERASI MUDA BERKEMAHIRAN NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
 - KELUHURAN PERLEMBAGAAN
 - KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
 - KESOPANAN DAN KESUSILAAAN

KANDUNGAN

- 3 ✦ Pengenalan
- 4 ✦ Kisah Kejayaan
- 10 ✦ Transformasi Pendidikan Vokasional
- 12 ✦ TVET Dalam Bajet 2017
- 14 ✦ Akses Kepada Pendidikan Vokasional
- 16 ✦ Tahukah Anda?
- 17 ✦ TVET *Masterplan*
- 18 ✦ KPM Menerajui Perubahan
- 21 ✦ Kaedah Mengikuti Diploma Vokasional Malaysia
- 23 ✦ Kedudukan Terbaik Kemasukan
Ke Kolej Vokasional 2017
- 24 ✦ 20 Kursus Pengambilan 2017
- 30 ✦ Kejayaan Pelajar Vokasional
- 31 ✦ Statistik TVET
- 33 ✦ Kesimpulan



“ Sekolah menengah vokasional dinaik taraf menjadi Kolej Vokasional dan pelajar melanjutkan pengajian 2 tahun lagi di tempat yang sama. Selepas habis 4 tahun mereka akan mendapat Diploma. ”

YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID

Menteri Pendidikan Malaysia



PENGENALAN



Dalam program memperkasakan pendidikan teknik dan vokasional ini, pihak kerajaan berhasrat untuk melonjakkan kecemerlangan pelajar sehingga boleh mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia. Oleh itu, Dasar Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) diwujudkan untuk memberikan akses, ekuiti dan pendidikan yang berkualiti kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan, kebolehan, minat dan bakat dalam bidang teknik, vokasional dan kemahiran. Adalah diharapkan program memperkasakan pendidikan teknik dan vokasional ini akan dapat mengurangkan kadar keciciran dari sistem persekolahan dan menambah modal insan yang berkemahiran untuk membantu pembangunan negara secara keseluruhannya.



KISAH KEJAYAAN

Berikut merupakan beberapa bekas pelajar TVET yang berjaya dalam bidang perniagaan.

Nama : **RAFIDAH BINTI ABU BAKAR**

Umur : 36 tahun

Status : Berkahwin

Jenis Perniagaan:

Mini Katering dan Makanan Frozen, Nasi Lemak Singgit Putrajaya, Mini Catering Putrajaya dan Satay Pak Abu Frozen.

Faktor Kejayaan:

- Minat yang mendalam dan tidak mudah berputus asa.
- Suami sebagai penyokong kuat dalam membantu urusan perniagaan seharian.





Kaedah Pemasaran:

- Media sosial terutamanya *Facebook* dan *Instagram*.
 - Media sosial merupakan kaedah pemasaran percuma dan menjimatkan kos pengiklanan.
 - Melalui *Facebook*, saya berjaya mendapat kontrak membekalkan stok satay kepada tiga buah restoran setakat ini.
- Aplikasi *Whatsapp* komuniti setempat.
- Promosi mulut ke mulut
 - Rakan-rakan yang berpuas hati sering mempromosikan perniagaan daripada mulut ke mulut dengan rakan-rakan mereka yang lain.

Harapan:

- Perniagaan yang dijalankan bersama suami ini menjadi pilihan masyarakat dengan memberikan khidmat makanan yang berkualiti pada harga mampu milik.

Nama : **SUNIZA BINTI HARON**

Umur : 36 tahun

Status : Berkahwin

Jenis Perniagaan:


Mengilangkan dan memasarkan produk bayi organik berjenama "BABY CALIPH".



Faktor Kejayaan:

- Menyediakan pelan perniagaan yang lengkap terutamanya daripada segi kos hasil pelaburan (*market trend marketing*).
- Berani mengambil risiko contohnya membekalkan produk kepada kedai-kedai dan pasaraya secara perjanjian.
- Jangan menggunakan hasil keuntungan 100% sebagai modal ulangan (simpan sebahagian).
- Menyediakan pelan kontigensi (kecemasan) untuk waktu-waktu yang tidak dijangka.





Kaedah Pemasaran:

- Menggunakan iklan media sosial sepenuhnya (*Facebook & Instagram*)
- Mewujudkan laman sesawang.
- Menggunakan *google ads* untuk menaikkan penarafan carian (*search rating*).
- Mengkaji pasaran terkini.

Harapan:

- Produk BABY CALIPH dikenali sebagai produk yang sihat dan selamat untuk bayi serta menjadi pilihan utama seisi keluarga.

Nama : **MOHD AFFIFUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN**

Umur : 30 tahun

Status : Berkahwin

Jenis Perniagaan:

Menjual itik, daging itik, telur itik, telur masin serta pembekal di sekitar kawasan luar bandar di Bentong, Pahang.

Faktor Kejayaan:

- Berani mengambil risiko walaupun pada mulanya mengalami kerugian dan kekangan kewangan.





Kaedah Pemasaran:

- Bergerak secara aktif dalam perniagaan semasa dalam pengajian dan mendapat sokongan daripada pengurusan kolej komuniti dalam mengembangkan lagi perniagaan ini.

Harapan:

- Perniagaan ini terus berkembang maju dan berazam menjadi penternak itik dan usahawan tani telur itik yang berjaya.



TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL

Agenda ekonomi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) akan mewujudkan 1.5 juta peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor dengan sasaran sebanyak 60 peratus daripada pekerjaan tersebut memerlukan kemahiran berkaitan bidang Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training – TVET*). Menyedari keperluan dan kepentingan TVET dalam pembangunan kapasiti dalam kalangan rakyat tempatan bagi menyokong merealisasikan status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka dan melaksanakan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional mulai 2012 dan diperhebatkan apabila diletakkan menjadi salah satu Aspirasi Sistem iaitu akses kepada pendidikan berkualiti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025.





Program Transformasi Pendidikan Vokasional ini meliputi pengenalan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan menaik taraf Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV). Selain itu, program transformasi tersebut merangkumi semakan menyeluruh kurikulum sedia ada, menggunakan beberapa kaedah penilaian dan pentaksiran baharu, meningkatkan kemahiran guru serta memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan industri.



TVET DALAM BAJET 2017



YAB Perdana Menteri, pada majlis pelancaran TVET Malaysia di Pusat Latihan Tinggi (ADTEC), Shah Alam pada 27 September 2017.

Dana sebanyak RM4.6 bilion yang diperuntukkan pada tahun 2017, iaitu tahun kedua dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) kepada semua institusi kemahiran teknik dan vokasional adalah bukti keseriusan kerajaan memperkasakan pendidikan itu bagi membantu memantapkan sektor industri negara ini. Dalam Bajet 2017 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa melalui dana berkenaan kerajaan antara lainnya akan mengubah suai sembilan kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) menjadi Politeknik dan Kolej Vokasional. Daripada jumlah tersebut, empat buah IPG akan menjadi politeknik, empat Kolej Vokasional dan sebuah lagi sebagai pusat latihan jurulatih teknik dan vokasional. Inisiatif kreatif ini memperuntukkan sejumlah RM400 juta.

TAHUN KEMAHIRAN TEKNIKAL & VOKASIONAL (TVET)



RM4.6 B



RM400 JUTA

Mengubahsuai & menaiktaraf 9 kampus institut pendidikan guru, menjadi politeknik & kolej vokasional



RM270 JUTA

Menaiktaraf peralatan pelajaran



RM360 JUTA

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran



Potongan cukai 2 kali ke atas perbelanjaan syarikat swasta yang menyediakan *Structured Internship Programme*



Geran padanan latihan & pembangunan kurikulum akan diberi kepada Institut TVET Awam



AKSES KEPADA PENDIDIKAN VOKASIONAL

Bagi memperluaskan akses kepada pendidikan vokasional, sebanyak 80 buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) dinaik taraf sebagai Kolej Vokasional (KV) dan 85 buah SMK telah pilih untuk melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV).





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga melaksanakan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) iaitu naik taraf Mata Pelajaran Vokasional (MPV) mulai tahun 2016 di 404 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) terpilih yang sedang melaksanakan MPV. KPM juga telah berkerjasama dengan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) melalui program *buying places* di mana Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) terbabit melaksanakan program pendidikan vokasional di institusi mereka. Kerjasama sektor awam dan sektor swasta ini telah berjaya meningkatkan kualiti pendidikan vokasional terutama daripada aspek pengiktirafan oleh pihak industri. Enrolmen murid yang bakal memilih bidang vokasional dijangka meningkat dengan akses pendidikan vokasional yang lebih luas.



TAHUKAH ANDA?

Berdasarkan statistik tahun 2016:



7% - 8%

Perkembangan
kebolehpasaran lulusan
TVET adalah antara
tujuh hingga lapan peratus
setahun sahaja



2% - 3%

Berbanding
perkembangan aliran
akademik iaitu
dua hingga tiga peratus
setahun sahaja



Kebolehpasaran pelajar:

KOLEJ KOMUNITI



POLITEKNIK



UNIVERSITI





TVET MASTERPLAN



Pelan Induk Komprehensif atau TVET *Masterplan*:

- Pada 26 September 2017, Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Induk Komprehensif atau TVET *Masterplan*.
- Pelan induk itu akan diselaraskan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan dibantu kementerian lain yang berkaitan dengan TVET seperti Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan.
- Bagi mentransformasikan TVET, tumpuan khusus juga akan diberikan kepada Revolusi Industri 4.0 dalam usaha mewujudkan tenaga buruh yang berdaya saing di peringkat global.
- TVET di negara ini dijenamakan sebagai TVET Malaysia. Melaluinya kesemua institusi TVET di bawah pelbagai kementerian diseru agar bersatu dan bergabung tenaga sebagai kolaborasi unggul bagi melatih warga Malaysia khususnya anak-anak muda untuk menjadi tenaga kerja teknikal berkemahiran tinggi.



KPM MENERAJUI PERUBAHAN

TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL Pembelajaran Sepanjang Hayat



Keyakinan masyarakat terhadap pendidikan vokasional telah menunjukkan impak positif apabila permohonan bagi mengikuti pendidikan vokasional semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat apabila Kementerian menerima hampir 80,000 permohonan daripada murid lepasan PMR/PT3 untuk mendaftar di 80 Kolej Vokasional di seluruh negara. Transformasi Pendidikan Vokasional (TVET) melibatkan pembelajaran sepanjang hayat. Berbanding sistem konvensional, para pelajar belajar dahulu dan kemudian masuk Universiti seterusnya bekerja. Namun menerusi transformasi ini, para pelajar belajar dahulu kemudian bekerja seterusnya melanjutkan pelajaran ke Universiti.




Laluan Teknikal dan Vokasional Bagi Graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menjelaskan laluan bagi graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melanjutkan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seluruh negara berbeza dengan laluan akademik konvensional kerana graduan di DVM perlu memenuhi dua kriteria iaitu:

- a) Memperolehi pengalaman pekerjaan sekurang-kurangnya sehingga berumur 21 tahun.
- b) Mendapat Sijil APEL (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) yang merupakan proses pengakreditan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu daripada MQA. Graduan DVM boleh terus memohon untuk kemasukan ke IPT setelah memenuhi kedua-dua kriteria tersebut.

LALUAN GRADUAN DVM KE IPT



* Lulus kesetaraan SPM-SVM oleh Lembaga Peperiksaan dan Syarat-Syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua kementerian.



KAEDAH MENGIKUTI DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA



- Murid yang berminat mengikuti pendidikan vokasional boleh memilih laluan bidang kemahiran seawal Tingkatan Satu di sekolah-sekolah terpilih yang melaksanakan Pendidikan Asas Vokasional (PAV).
- PAV yang diterima di peringkat menengah rendah boleh pula melanjutkan pendidikan vokasional ke peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) di Kolej Vokasional. Lulusan PAV juga boleh memilih untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang kemahiran tertentu yang ditawarkan oleh Institut Latihan Kemahiran Awam atau Swasta. Murid-murid PAV yang mencapai tahap kemahiran yang ditetapkan akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

PELAJAR DVM

70%

TENAGA KERJA
MAHIR

20%

MELANJUTKAN
PENGGAJIAN

10%

TEKNO
USAHAWAN

- Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) merupakan kurikulum pendidikan dan latihan teknik dan vokasional di KV yang mematuhi *Standard* Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- Murid-murid akan mengikuti Program Pra Diploma selama dua tahun dan bagi yang memenuhi syarat kelayakan boleh meneruskan pengajian ke Program Diploma di KV selama dua tahun lagi.
- Program Diploma di KV telah pun mendapat akreditasi sementara (MQA-01) dari *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) dan pelbagai Kementerian serta agensi bertauliah yang lain yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
- Berdasarkan statistik pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia 2017, sebanyak 70% pelajar telah berjaya menjadi tenaga kerja mahir, 20% melanjutkan pengajian dan 10% bergelar tekno usahawan.



KEDUDUKAN TERBAIK KEMASUKAN KE KOLEJ VOKASIONAL 2017

Berikut merupakan 10 kedudukan terbaik kemasukan ke Kolej Vokasional 2017:

BIL	KOLEJ VOKASIONAL (KV)	JUMLAH
1	KV (ERT) Azizah	197
2	KV Sandakan	80
3	KV Sepang	202
4	KV Likas	237
5	KV Sungai Buloh	280
6	KV Gombak	205
7	KV Shah Alam	123
8	KV Tanjung Puteri	153
9	KV Kuala Terengganu (Wakaf Tembesu)	265
10	KV Kuala Selangor	173



20 KURSUS PENGAMBILAN 2017

BIL	KURSUS YANG DITAWARKAN	JUMLAH
1	Teknologi Automotif	12,668
2	Seni Kulineri	10,037
3	Teknologi Elektrik	5,861
4	Baking and Pastry (Bakeri dan Pastri)	5,329
5	Teknologi Kimpalan	3,867
6	Pengurusan Perniagaan	3,826
7	Fesyen dan Membuat Pakaian	3,046
8	Teknologi Elektronik	2,945
9	Sistem Komputer dan Rangkaian	2,496
10	Perakaunan	2,292

BIL	KURSUS YANG DITAWARKAN	JUMLAH
11	Teknologi Pembinaan	2,163
12	Pengajian Awal Kanak-kanak	1,880
13	Kesetiausahaan Pentadbiran	1,691
14	Teknologi Penyejukbekuan & Penyamanan Udara	1,681
15	Kosmetologi	1,469
16	Teknologi Pemesinan Industri	1,282
17	Pelancongan	768
18	Sistem Pengurusan Pangkalan Data & Aplikasi Web	682
19	Multimedia Kreatif (Animasi)	609
20	Perbankan	435



“ Kebolehpasaran lulusan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) lebih tinggi berbanding lulusan institut pendidikan tinggi yang memilih bidang akademik. Ini akan jadi rangsangan untuk pelajar tidak hanya memilih aliran akademik, tapi boleh juga memilih bidang TVET kerana kedua-duanya ialah aliran perdana, tidak timbul soal pilihan kedua kerana negara memerlukan kedua-duanya ”

DATUK SERI IDRIS JUSOH

Menteri Pendidikan Tinggi



“ Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) akan menjadi cara paling berkesan untuk meningkatkan kekuatan asas kemahiran modal insan Malaysia. Kerajaan akan menggiatkan lagi kerjasama dengan industri bagi menambah jumlah pengambilan pelajar dalam TVET, meningkatkan kualiti program dan institusi serta menambah baik keseluruhan penjenamaan dan profil sektor itu ”

DATUK SERI RICHARD RIOT JAEM
Menteri Sumber Manusia



“ Ada juga graduan TVET yang mendapat gaji permulaan sehingga RM2,600 terutama di syarikat antarabangsa. Ini menunjukkan majikan mula yakin dengan produk keluaran TVET dan saya harap trend ini akan berterusan untuk mewujudkan ekonomi berpendapatan dan berteknologi tinggi yang tidak hanya bersandar kepada laluan akademik sahaja. ”

KHAIRY JAMALUDDIN
Menteri Belia dan Sukan

PERATUS
PELAJAR YANG
MENDAPAT
PERKERJAAN

97.4%
PELAJAR KOLEJ
KOMUNITI

85%
PELAJAR



TVET AKAN DIKETENGAHKAN

"Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial kerana ianya mampu menyediakan tenaga kerja yang berdaya siang dan berkualiti tinggi."

DATUK MARY YAP KAIN CHING

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi





KEJAYAAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL



Kerajaan sedang melatih sekurang-kurangnya 300,000 golongan yang berpendapatan B40 di bawah TVET program sebelum 2025.

Sejak program vokasional diberi nafas baharu melalui Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) pada tahun 2012 menerusi projek rintis dengan mewujudkan sebanyak 15 buah Kolej Vokasional di setiap negeri, aliran pendidikan vokasional semakin diterima ramai dan telah diangkat sama tahap dengan aliran perdana. Lebih membanggakan, pelajar-pelajar kolej tersebut bukan sahaja memperoleh tahap kemahiran yang tinggi malah, berjaya menarik minat pihak industri selepas berjaya menamatkan latihan industri melalui latihan bekerja dalam industri atau *On The Job Training* (OJT).



STATISTIK TVET

Menurut kajian yang dijalankan ke atas 15 Kolej Vokasional rintis dengan jumlah keluaran graduan seramai 2,273 orang, secara keseluruhan graduan lelaki melebihi perempuan dengan nisbah 2.30:1.00.

Taburan graduan berdasarkan jantina mengikut Kolej Vokasional seperti berikut:

Kolej Vokasional (KV)	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
KV Arau, Perlis	106	32	138
KV Sungai Petani 1, Kedah	94	15	109
KV Balik Pulau, Pulau Pinang	87	39	126
KV Seri Manjung, Perak	195	58	253
KV Shah Alam, Selangor	155	19	174
KV ERT Setapak, WP Kuala Lumpur	9	126	135
KV Dato' Lela Maharaja, N. Sembilan	77	61	138
KV Dato' Seri Mohd Zin, Melaka	174	45	219
KV Kluang, Johor	154	42	196

Kolej Vokasional (KV)	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
KV Muadzam Shah, Pahang	55	53	108
KV Pengkalan Chepa, Pahang	133	22	155
KV Wakaf Tembusu, Terengganu	146	39	185
KV Kuching, Sarawak	68	26	94
KV Labuan, WP Labuan	92	28	120
KV Beaufort, Sabah	93	30	123
Jumlah Keseluruhan	1483	635	2273
Peratus (%)	65.2	34.8	100

TAHUKAH ANDA?

Kolej Vokasional ERT Setapak satu-satunya kolej yang melaksanakan program Kosmetologi dan Senireka Fesyen. Sejumlah 29 graduan yang berjaya menamatkan program Kosmetologi, yang terdiri daripada perempuan Melayu sahaja. Manakala, bagi program Senireka Fesyen pula, 50 graduan perempuan Melayu telah berjaya menamatkan pengajian mereka.

KESIMPULAN

Peranan bidang pendidikan dari latihan teknikal serta vokasional (TVET) dalam pembangunan negara jelas dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) 2011.

Justeru, TVET dilaksanakan bagi agar dapat menarik minat lebih ramai pelajar cemerlang memasuki aliran ini. Sekiranya pendidikan ini dapat menjanjikan peluang pekerjaan yang baik dan pendapatan yang tinggi kepada pelajar maka sudah tentu ibu bapa turut menggalakkan anak-anak mereka mengambil peluang untuk mengikuti aliran ini. Apa yang penting, TVET memerlukan sokongan daripada semua pihak. Termasuk masyarakat, industri dan agensi kerajaan.

Diharapkan dengan memartabatkan pendidikan vokasional ini akan mempercepatkan lagi usaha untuk menyediakan tenaga kerja yang berkebolehan, berkemahiran dan berpendapatan tinggi bagi menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020.

Sumber:

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia

Penyelaras:

Arenawati Hamzah



Diterbitkan oleh:

**Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

Laman Web : www.penerangan.gov.my
Portal : pmr.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my

B.30 (B.M) OKTOBER 2017 (050.)

CERTIFIED TO ISO 9001: 2008

CERT. NO:MY-APR 5240

